



Received: 2020-01-15

Accepted: 2020-02-24

Published: 2020-04-30

**Original Article**

## **Memahami Konsep *al-Ibtıla'* Dalam Islam Menerusi Konsepsi, Klasifikasi, Bentuk, Tujuan dan Manfaat**

### ***Understanding The Concept of al-Ibtıla' In Islam Through The Concept, Classification, Form, Purpose and Benefits***

**Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman<sup>a\*</sup>, Rohaida Mohammed Dawam<sup>b</sup> & Muhammad Hazim Mohd Azhar<sup>c</sup>**

<sup>a</sup> Department of Akidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia

<sup>b</sup> Graduate Master of Usuluddin, University of Malaya, Malaysia

<sup>c</sup> Academy of Contemporary Islamic Studies (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis, Malaysia

\* Corresponding author, email; smhilmi@um.edu.my

**ABSTRACT**

Believing in Allah's Qada' and Qadar is one of the pillars of faith for Muslim. One of the important elements in this particular pillar of faith is the concept of *al-Ibtıla'*. In the context of Malay Muslims, the word *al-Ibtıla'* is rarely used, or at least not as frequently used as its synonym, *Bala'*. *Al-Ibtıla'* is commonly understood in the form of hardship and difficulties in life, but in fact it also includes worldly pleasure and luxury. It is therefore very important for Muslims to understand the concept of *Ibtıla'* in Islam. This paper aims to explore the concept of *Ibtıla'* according to Islam by covering some important elements which include its basic concepts, classification, form, purpose, and benefits. By knowing and understanding the concept of *Ibtıla'* in Islam, the soul can be taught to be patient and steadfast when facing trials and adversity.

**Keywords:** *al-Ibtıla'*, *Bala'*, Qada' Qadar

**Pengenalan**

*Al-Ibtıla'* atau juga disebut ujian Allah merupakan antara elemen terpenting dalam persoalan takdir yang terdapat dalam perbahasan Qada' dan Qadar.<sup>1</sup> *Al-Ibtıla'* adalah ketentuan dan ketetapan daripada Allah kepada para hambaNya sejak mula Nabi Adam diciptakan sehinggalah berlakunya hari kehancuran alam. Firman Allah dalam Surah al-Taubah ayat 51 yang bermaksud, "*Katakanlah (wahai Muhammad): Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah pelindung yang menyelamatkan kami dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang*

<sup>1</sup> Faisal Ahmad Shah, "Konsep *al-Ibtıla'* dan Cara Menghadapinya Menurut al-Quran dan as-Sunnah," (disertasi sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000), 6.

*beriman bertawakkal.*” Al-Sha’rawi mentafsirkan ayat di atas sebagai apa jua yang menimpa seorang Muslim merupakan ujian yang termasuk dalam ketentuan Allah dan daripada ujian tersebut dia akan mendapat pahala sekiranya bersabar.<sup>2</sup>

Umat Islam mengakui bahawa semua yang berlaku di atas muka bumi ini adalah di bawah Qada’ dan Qadar Allah SWT. Setiap Muslim wajib meyakini bahawa apa yang ditakdirkan kepadanya pasti akan berlaku dan begitulah sebaliknya.<sup>3</sup> Setiap Muslim juga harus memahami bahawa Allah SWT telah mengatur, mentakdirkan rangkaian hubungan sesuatu itu (sebab dan musababnya, *illat* dan *ma’lulnya*, *fa’il* dengan *maf’ulnya*). Oleh yang demikian Allah SWT telah menciptakan sebab-sebab itu seimbang dengan musababnya.

Menerusi pembacaan, perbincangan, pemerhatian dan pengamatan mengenai konsep *al-Ibtala’*, didapati bahawa umat Islam hari ini seringkali tersalah anggap atau keliru dengan maksud *al-Ibtala’* atau ujian Allah yang sebenar. Kebanyakan masyarakat Islam menyangka bahawa ujian Allah adalah musibah, malapetaka, tragedi atau bala bencana yang menimpa sesiapa menurut kehendak Allah.<sup>4</sup> Tetapi sebenarnya ujian Allah itu merangkumi segala bentuk kesusahan dan kesenangan. Salah satu perkara penting yang perlu diketahui tentang ujian hidup adalah ujian itu tidak hanya berbentuk dugaan atau hal-hal yang tidak menyenangkan. Ia juga dalam bentuk nikmat dan kesenangan. Jelasnya, kesenangan juga merupakan ujian.<sup>5</sup> Setiap manusia pasti akan menerima ujian daripada Allah samada berupa musibah atau nikmat.

Ramai manusia turut menganggap bahawa ujian dan cubaan dari Allah SWT adalah berupa derita, kesulitan, kegagalan, bencana dan sejenisnya yang lazim disebut musibah. Jarang dibayangkan bahawa kelapangan hidup, kekayaan, populariti dan kejayaan meraih cita-cita merupakan ujian Allah.<sup>6</sup> Sehubungan itu, adalah amat penting perbicaraan mengenai konsep *al-Ibtala’* dengan menyentuh aspek-aspek pentingnya seperti konsepsi umumnya, klasifikasi, bentuk, tujuan dan manfaatnya.

### **Konsepsi dan Klasifikasi *al-Ibtala’***

Dalam konteks masyarakat Melayu muslim, kalimah *al-Ibtala’* dilihat asing pada aspek penggunaan bahasanya, tetapi mesra dengan kalimah sinonimnya iaitu *Bala’* sehingga diasimilakan dalam bahasa Melayu dan direkodkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan perkataan “bala”. Ia bermaksud kejadian buruk yang menimpa diri seseorang atau sesuatu

---

<sup>2</sup> Muhammad Mutawalli al-Sha’rawi, *Tafsir al-Sha’rawi* (Dar Akhbar al-Yawm, 1991), 2: 663.

<sup>3</sup> Ibn Hazm al-Andalusi, *’Ilm al-Kalam ’ala Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, tahqiq Ahmad Hijazi Ahmad al-Saqa (t.t: t.p, 1989), 79.

<sup>4</sup> Wan Aznan Wan Abdullah, *Siri Motivasi Dan Kecemerlangan Utusan : Pemikiran Positif Cara Islam Jalan Hidup Bahagia, Tenang Dan Yakin* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., 2001), 5.

<sup>5</sup> Al-Amin al-Sodiq al-Amin, *al-Thabat ’ala Din Allah wa Atharuhu fi Hayat al-Islam* (Saudi: Dar Ibn al-Jauzi, 2004), 312-320. Lihat juga; Soleh Ahmad al-Khotib, *al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Hayat al-Insaniyyah* (Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2004), 2: 269.

<sup>6</sup> Abdul Halim Fathani, *Ensiklopedia Hikmah Memetik Buah Kehidupan Di Kebun Hikmah* (Jogjakarta: Darul Hikmah, 2008), 77.

tempat.<sup>7</sup> *Al-Ibtıla'* diambil dari perkataan ابتلى. Asal perkataan adalah بلى. Perkataan بلاء - بلاءه atau اختباره memberi erti mengujinya atau mencubainya.<sup>8</sup>

Menurut Kamus al-Mawrid, perkataan *Balaahu, Ibtalaahu* bermaksud menguji, mencuba.<sup>9</sup> Al-Mu'jam al-Wasit mendefinisikan *al-Ibtıla'* atau *Bala'* sebagai sesuatu perkara yang diturunkan kepada seseorang bertujuan untuk mengujinya.<sup>10</sup> Manakala maksud Ujian menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah musibah, kesukaran yang berlaku untuk menguji keimanan atau kesabaran seseorang. Ia merupakan kejadian sukar yang terpaksa dihadapi dengan tabah.<sup>11</sup>

Para ulama ada yang berpendapat bahawa perkataan *Bala-Yablu* digunakan untuk *al-Ibtıla'* dalam bentuk kesusahan dan kepayahan. Manakala perkataan *Abla-Yubli* bermaksud *al-Ibtıla'* dalam bentuk kesenangan dan kenikmatan.<sup>12</sup> Ibnu Manzur di dalam kitabnya *Lisan al-Arab* berpendapat bahawa tiada perbezaan di antara kedua-dua perkataan tersebut kerana *al-Ibtıla'* itu sendiri datang dalam bentuk kenikmatan dan kesusahan.<sup>13</sup>

Menurut definisi Ibnu Manzur ini, *al-Ibtıla'* merangkumi perkara baik dan buruk. Perkara ini disokong oleh al-Asfahani yang menyatakan bahawa *Bala'* terbahagi kepada dua iaitu *minhah* supaya bersyukur dan *mihnah* supaya bersabar. Tambah beliau, wujud juga keadaan yang ketiga iaitu ujian Allah kepada hambaNya terkadang dalam bentuk kesenangan supaya mereka bersyukur dan terkadang dalam bentuk kesusahan supaya mereka bersabar.<sup>14</sup> Keadaan *mihnah* berhajat kepada konsep sabar, manakala keadaan *minhah* berhajat kepada konsep syukur. *Minhah* merupakan lebih besar daripada *mihnah* kerana sabar itu lebih mudah daripada syukur.<sup>15</sup>

Abu Ja'far al-Tabari menyatakan asal perkataan *Bala'* itu daripada kalam orang Arab yang membawa maksud *Imtihan* dan *Ikhtibar*.<sup>16</sup> Kemudian, penggunaan perkataan ini digunakan dalam perkara yang baik dan buruk kerana *Imtihan* dan *Ikhtibar* terkadang membawa maksud baik, terkadang buruk. Ini berdasarkan firman Allah:

وَتَبْلُوكُمْ بِالشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَإِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ٣٥

<sup>7</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat Online.

<sup>8</sup> Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Makram, *Lisan al-Arab* (Bayrut: Dar Sadir, 1994), 14: 84.

<sup>9</sup> Rohi Baalbaki, *Kamus al-Mawrid* (Bayrut: Dar El-Ilm Lil Malayin, 1995), 21.

<sup>10</sup> *Al-Mu'jam al-Wasit*, Cet. Keempat (Kaheerah: Maktabah al-Syuruk al-Dauliyah, 2005), 71.

<sup>11</sup> Kamus Dewan Edisi Keempat Online.

<sup>12</sup> Faisal Mohd.Shah, "Konsep al-Ibtıla' dan Cara Menghadapinya Menurut al-Quran dan al-Sunnah," 2.

<sup>13</sup> Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Makram, *Lisan al-Arab* (Bayrut: Dar Sadir, 1994), 14: 84.

<sup>14</sup> 'Abd Allah 'Abd al-Ghani Muhammad Soleh, *al-Ibtıla' wa Atharuhu fi Hayat al-Mu'minin kama Ja'a fi al-Quran al-Karim* (Riyadh: Dar al-'Itisam, t.t.), 18.

<sup>15</sup> Rejab Nasar Musa, "Sunnah al-Ibtıla fi al-Quran," (disertasi sarjana Kuliyyah Usuluddin, Jami'ah al-Najah al-Wataniyyah, Nablus, Palestin, 2007), 25. Lihat juga; Soleh Ahmad al-Khotib, *al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Hayat al-Insaniyyah*, 2: 269. Lihat juga al-Amin al-Sodiq, *al-Thabat 'ala Din Allah wa Atharuhu fi Hayat al-Islam*, 312-320. Lihat juga Muhammad bin Abi Bakr al-Jauziyyah, *'Iddah al-Sobirin wa Zakhirah al-Syakirin* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 161-163.

<sup>16</sup> Nassar As'ad Nassar, "Mafhum al-Ibtıla' fi al-Quran," *Jurnal Jami'ah Damsiyq* 20, Bil. 1 (2004), 3.

(Surah al-Anbiya 21: 35)

Terjemahan: "Dan Kami menguji kamu dengan kesusahan dan kesenangan sebagai cubaan dan kepada Kamilah kamu semua akan dikembalikan."

وَقَطَّعْنَاهُمْ فِي الْأَرْضِ أُمَّمًا مِّنْهُمْ الصَّالِحُونَ وَمِنْهُمْ دُونَ ذَلِكَ وَبَلَوْنَاهُمْ بِالْحَسَنَاتِ  
وَالسَّيِّئَاتِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ١٦٨

(Surah al-'Araf 7:168)

Terjemahan: "Dan kami uji mereka dengan nikmat pemberian yang baik-baik dan bala bencana yang buruk, supaya mereka kembali (bertaubat)."

Kemudian orang Arab menyebut bala baik dan bala buruk.<sup>17</sup> Dalam *Qamus al-Quran*, Husayn Muhammad al-Damighani mengisyaratkan maksud *Bala'* bermaksud nikmat.<sup>18</sup> Muhammad bin Abi Bakr al-Jauziyyah turut membahagikan *al-Ibtala'* kepada dua iaitu kenikmatan dan kesusahan<sup>19</sup> sebagaimana firman Allah:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَبَلَوْنَكُمْ بِالْشَّرِّ وَالْخَيْرِ فِتْنَةً وَالْبَيْنَا تُرْجَعُونَ ٣٥

(Surah al-Anbiya' 21:35)

Terjemahan: "Tiap-tiap yang berjiwa akan merasakan mati. Kami akan menguji kamu dengan keburukan dan kebaikan sebagai cubaan (yang sebenar-benarnya), dan hanya kepada Kamilah kamu dikembalikan."

Allah SWT tidak menyebut sebab dan tujuan dikurniakan nikmat yang banyak kepada manusia tetapi apabila azabnya ditimpakan ke atas manusia dalam bentuk kesusahan dan kesukaran, maka Dia akan menyebut sebab-sebab turunnya azab tersebut. Allah SWT juga memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki tanpa melihat keimanan atau kekufuran seseorang itu. Dia juga memberikan kemiskinan dan kefakiran kepada hambaNya yang beriman dan beramal soleh.<sup>20</sup>

Al-Qurtubi menukilkan kata-kata Abu Haitham; *Bala'* itu terkadang baik, terkadang buruk. Asalnya merupakan ujian. Allah menguji hambaNya dengan perkara yang baik supaya mereka bersyukur dan ujian dengan perkara yang buruk supaya mereka bersabar.<sup>21</sup> Berbeza pula dengan

<sup>17</sup> Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir al-Tabari, *Tafsir al-Tabari: al-Musamma Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an* (Bayrut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1999), 1: 274 dan 524.

<sup>18</sup> Al-Husayn ibn Muhammad al-Damighani, *Qamus al-Quran aw al-Ahl Islah al-wujuh wa-al-naza'ir fi al-Qur'an al-Karim*, tahqiq 'Abd al-'Aziz Sayyid (Bayrut: Dar al-'Ilm lil-Malayin, 1970), 77.

<sup>19</sup> Muhammad bin Abi Bakr al-Jauziyyah, *'Iddah al-Sobirin wa Zakhirah al-Syakirin*, 161-163.

<sup>20</sup> Mustafa ibn Wahbah al-Zuhaili, *Tafsir al-Munir*, Juz 9 (Dar al-Fikr al- Mu'asir: Bayrut, 1991), 89.

<sup>21</sup> Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi, *al-Jami' li-Ahkam al-Qur'an* (Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1993), 1: 263. Lihat juga Soleh Ahmad al-Khotib, *al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Hayat al-Insaniyyah*, 2: 269 dan 287.

Fairuzabadi, *Bala'* itu sama sahaja tidak kira perkara itu baik dan buruk.<sup>22</sup> Bagi Abu Hilal al-Askari, beliau membezakan antara *Ibtıla'* dan *Ikhtibar*. *Al-Ibtıla'* mengandungi perkara yang sukar dan dibenci. Manakala, *Iktibar* sama seperti *Ibtıla'* tetapi terangkum sekali perkara yang disukai.<sup>23</sup>

Daripada beberapa pendapat di atas, dapat disimpulkan bahawa *al-Ibtıla'* itu merangkumi perkara baik dan buruk walaupun terdapat pandangan yang mengatakan *al-Ibtıla'* hanya melibatkan perkara yang buruk sahaja. Orang yang ditimpa bala buruk amat dituntut agar terus bersabar manakala tetap bersyukur apabila mendapat kenikmatan. Ini kerana, berkemungkinan nikmat tersebut bertukar menjadi musibah. Sebaliknya, musibah yang dibenci itu mengandungi hikmah dan kebaikan kepadanya. Apa yang penting adalah mendapat keredhaan Allah dalam apa jua bentuk *Ibtıla'* yang merangkumi kedua-dua perkara baik dan buruk.

Dari beberapa sisi yang berbeza, terdapat beberapa pendapat yang mengklasifikasikan *Ibtıla'* kepada bahagian-bahagian tertentu. Solih al-Khatib membahagikan *Ibtıla'* kepada empat bahagian iaitu; 1) ujian berbentuk tanggungjawab; 2) ujian berbentuk kemudaratan; 3) ujian berbentuk kesenangan; serta 4) ujian berbeza antara orang Islam dan orang kafir.<sup>24</sup>

Manakala menurut 'Abd Allah 'Abd al-Ghani, *Ibtıla'* mempunyai banyak pembahagian, berbeza mengikut individu, masa dan tempat. Secara mudahnya, beliau membahagikan seperti berikut:<sup>25</sup>

- i- Mengikut sebab: *Ibtıla'* supaya bersabar, *Ibtıla'* supaya bersyukur, *Ibtıla'* untuk dapat pahala, *Ibtıla'* sebagai panduan dan *Ibtıla'* untuk mendidik.
- ii- Mengikut keadaan: urusan keagamaan, urusan keduniaan.
- iii- Individu: Kedua-dua di atas.

Berdasarkan sorotan pandangan tersebut, dapat dihuraikan secara ringkas berkenaan bahagian *Ibtıla'* beserta contoh seperti berikut:

a) *Ibtıla'* kenikmatan dan kesenangan seperti harta kekayaan, anak-pinak, pangkat dan perhiasan dunia.

- i- Harta kekayaan yang dilimpahkan kepada manusia. Allah SWT berfirman:

﴿لَتَبْلُوَنَّ فِيْ أَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ وَلَتَسْمَعَنَّ مِنَ الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذًى كَثِيْرًا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ۝ ١٨٦﴾

(Surah Ali Imran 3:186)

Terjemahan: "Demi sesungguhnya, kamu akan diuji pada harta-benda dan diri kamu, dan demi sesungguhnya, kamu akan

<sup>22</sup> 'Abd Allah 'Abd al-Ghani Muhammad Soleh, *al-Ibtıla' wa Atharuhu fi Hayat al-Mu'minin kama Ja'a fi al-Quran al-Karim*, 17.

<sup>23</sup> Ibid, 19.

<sup>24</sup> Solih Al-Khatib, *al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Hayat al-Insaniyyah*, 275.

<sup>25</sup> 'Abd Allah 'Abd al-Ghani Muhammad Soleh, *al-Ibtıla' wa Atharuhu fi Hayat al-Mu'minin kama Ja'a fi al-Quran al-Karim*.

*mendengar dari orang-orang yang telah diberikan kitab dahulu daripada kamu dan orang-orang yang musyrik; banyak (tuduhan-tuduhan dan cacian) yang menyakitkan hati. Dalam pada itu, jika kamu bersabar dan bertakwa maka sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya)."*

*Al-Ibtala'* dalam bentuk harta kekayaan boleh berlaku dalam dua keadaan. Keadaan pertama, Allah SWT menguji hambaNya dengan memberikan harta kekayaan yang melimpah ruah untuk menguji bagaimana hambaNya menggunakan kekayaan tersebut samada di jalan yang redhai atau sebaliknya sebagaimana firman Allah SWT:

وَأَتَّبِعْ فِيمَا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ٧٧

(Surah al-Qasas 28:77)

Terjemahan: *"Dan tuntutlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang berbuat kerosakan."*

Keadaan kedua ialah Allah SWT menguji hamba-hambaNya dengan tidak diberi harta atau dihilangkan kekayaannya selepas dikurniakan dengan kekayaan yang melimpah ruah. Ramai manusia yang tenggelam dalam kemewahan harta kekayaan hingga menyebabkan mereka lupa kepada Allah. Justeru Allah SWT mengingatkan para hambaNya menerusi firmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تُلْهِكُمْ أَمْوَالُكُمْ وَلَا أَوْلَادُكُمْ عَنْ ذِكْرِ اللَّهِ وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ فَأُولَئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ٩

(Surah al-Munafiqun 63:9)

Terjemahan: *"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu dilalaikan oleh (urusan) harta-benda kamu dan anak-pinak kamu daripada mengingati Allah (dengan menjalankan perintahNya. Dan (ingatlah), sesiapa yang ,melakukan demikian, maka mereka itulah orang-orang yang rugi."*

- ii- Anak pinak dan keturunan juga merupakan ujian Allah. Anak-anak dan keturunan sering menjadi kebanggaan kepada sesetengah manusia sehingga menimbulkan perasaan sombong dan riak. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّ مِنْ أَزْوَاجِكُمْ وَأَوْلَادِكُمْ عَدُوًّا لَكُمْ فَاحْذَرُوهُمْ وَإِنْ تَعَفَّوْا وَتَصَمَّحُوا  
وَتَعْفَرُوا فَإِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَحِيمٌ ١٤

(Surah al-Taghabun 64:14)

Terjemahan: *“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya ada di antara isteri-isteri kamu dan anak-anak kamu yang menjadi musuh bagi kamu; oleh itu awaslah serta berjaga-jagalah kamu terhadap mereka, dan kalau kamu memaafkan dan tidak marahkan (mereka) serta mengampunkan kesalahan mereka (maka Allah akan berbuat demikian kepada kamu), kerana sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”*

iii- Pangkat dan perhiasan dunia merupakan ujian yang hebat kepada manusia. Ini kerana pangkat dan perhiasan dunia yang melalaikan, manusia sanggup membelakangkan Allah. Rasulullah sendiri pernah ditawarkan dengan jawatan tertinggi sebagai pemerintah kepada orang-orang kafir Quraisy sekiranya baginda meninggalkan usaha dakwahnya. Namun, tawaran tersebut tidak dihiraukan oleh baginda malahan sedikit pun tidak menggugat keyakinan dan keimanannya terhadap Allah SWT untuk terus menyebarkan Islam.<sup>26</sup> Allah ada menerangkan dalam al-Quran:

وَهُوَ الَّذِي جَعَلَكُمْ خَلَائِفَ الْأَرْضِ وَرَفَعَ بَعْضَكُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ لِيَبْلُوكُمْ فِي مَا آتَاكُمْ  
إِنَّ رَبَّكَ سَرِيعُ الْعِقَابِ وَإِنَّهُ لَعَفُورٌ رَحِيمٌ ١٦٥

(Surah al-An'am 6:165)

Terjemahan: *“Dan Dialah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjat, kerana Dia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakanNya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksaNya., dan sesungguhnya Dia Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.”*

b) Kesusahan dan kepayahan sama ada berlaku kepada diri individu ataupun berlaku secara umum atas dunia atau muka bumi.

i- *Al-Ibtala'* dalam bentuk ini terdapat pada diri manusia seperti kematian, kecacatan, penyakit, kegagalan, kekecewaan dan sebagainya. Allah menerangkan keadaan ini dalam al-Quran:

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ وَبَشِّرِ  
الصَّابِرِينَ ١٥٥

(Surah al-Baqarah 2:155)

<sup>26</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti, *Fiqh al-Sirah* (Dar al-Fikr, t.tp., 1990), 113.

Terjemahan: “Dan sesungguhnya Kami berikan sedikit cubaan kepada kamu sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan.”

- ii- *Al-Ibtala'* yang berlaku pada dunia dan muka bumi pula berupa bencana alam seperti banjir, tsunami, gempa bumi, kemarau, letupan gunung berapi, ribut taufan dan tanah runtuh. Fenomena alam ini telah diterangkan dalam al-Quran:

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِنْ قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا إِنَّ  
ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ٢٢

(Surah al-Hadid 57:22)

Terjemahan: “Tidak ada sesuatu kesusahan (atau bala bencana) yang ditimpakan di bumi, dan tidak juga yang menimpa diri kamu, melainkan telah sedia ada di dalam Kitab (pengetahuan Kami) sebelum Kami menjadikannya; sesungguhnya mengadakan yang demikian itu adalah mudah bagi Allah.”

Daripada penjelasan-penjelasan di atas, dapat difahami bahawa *al-Ibtala'* itu merangkumi segala perkara baik dan buruk, kesenangan dan kesusahan serta apa jua hal yang menggembarakan mahupun menyedihkan daripada sekecil-kecil ujian hingga ke sebesar-besar ujian.

### Bentuk-bentuk *Ibtala'*

*Ibtala'* boleh muncul dalam tiga bentuk iaitu pertamanya *Ibtala'* dalam konteks menguatkan akidah seperti kisah Nabi Ayyub yang diuji dengan sakit kulit agar bertambah keimanan baginda. Keduaanya, *Ibtala'* dalam bentuk ketaatan seperti kisah Nabi Ibrahim yang diperintah oleh Allah untuk menyembelih anak baginda. Ketiga, *Ibtala'* berbentuk kenikmatan seperti yang berlaku terhadap Bani Israil yang diberi kelebihan berbanding bangsa lain.<sup>27</sup>

Hani Sa'ad Ghunaim pula menyatakan *Ibtala'* atau ujian yang ditimpakan kepada manusia ada dua bentuk.<sup>28</sup> Pertamanya, dalam bentuk membinasakan orang-orang yang zalim sahaja. Dalam bentuk ini, Allah membinasakan orang-orang yang zalim dan menyelamatkan orang-orang yang soleh. Firman Allah:

---

<sup>27</sup> Rejab Nasar Musa, “Sunnah al-Ibtala' fi al-Quran,” (disertasi sarjana Kuliyyah Usuluddin, Jami'ah al-Najah al-Wataniyyah, Nablus, Palestin, 2007), 86.

<sup>28</sup> Hani Sa'ad Ghunaim, *al-Ibtala' tathir wa Ni'mah min Rabb al-Ardhi wa al-Sama'*: Musibah (Ujian) Menyucikan Dosa dan Meninggikan Darjat. Terj., Abu Athiyyah (Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2012), 43-45.



هُمُ الَّذِينَ كَفَرُوا وَصَدُّوكُمْ عَنِ الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ وَالْمَهْدِيِّ مَعَكُوفًا أَنْ يَبْلُغَ مَجَلَّهُمْ وَأُولَا رِجَالٍ  
مُؤْمِنُونَ وَنِسَاءً مُؤْمِنَاتٍ لَمْ تَعْلَمُوهُنَّ أَنْ تَطَّوَّهُمْ فِتْنَتِكُمْ مِنْهُنَّ مَعْرَةٌ بغيرِ عِلْمٍ لِيَدْخُلَ اللَّهُ  
فِي رَحْمَتِهِ مَن يَشَاءُ لَوْ تَزَيَّلُوا لَعَذَّبْنَا الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْهُمْ عَذَابًا أَلِيمًا ٢٥

(Surah al-Fath 48:25)

Terjemahan: *“Dan kalau bukanlah kerana terdapat beberapa orang beriman lelaki dan perempuan yang tidak kamu ketahui, tentulah kamu ditimpa kesusahan tanpa kamu sedari, kerana Allah hendak memasukkansiaapa yang Dia kehendaki ke dalam rahmatNya. Sekiranya mereka terpisah, tentu Kami akan mengazab orang yang kafir di antara mereka dengan azab yang pedih.”*

Keduanya dalam bentuk membinasakan orang zalim dan orang soleh. Apabila kerosakan telah merata dan semakin menjadi-jadi, maka Allah akan membinasakan orang-orang zalim sekaligus orang-orang soleh. Allah SWT berfirman:

وَاتَّقُوا فِتْنَةً لَا تُصِيبَنَّ الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْكُمْ خَاصَّةً وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ٢٥

(Surah al-Anfal 28:25)

Terjemahan: *“Dan peliharalah dirimu dari seksaan yang tidak khusus menimpa orang-orang zalim sahaja di antara kamu, dan ketahuilah bahawa Allah amat keras seksaanNya.”*

*Ibtıla'* yang diturunkan kepada umat manusia meliputi orang yang zalim juga orang yang soleh. Hanya Allah yang maha mengetahui sebab-sebab diturunkan *Ibtıla'* tersebut. Hanya Dia jualah yang maha berkuasa menurunkan sebarang bentuk *Ibtıla'* kepada umat manusia menurut kesesuaian mereka. Namun, hamba yang muslim haruslah berdoa memohon keampunan, kesabaran dan perlindungan Allah SWT sekiranya mendapat *Ibtıla'*.

Tuntasnya, *al-Ibtıla'* itu bukan sahaja diturunkan untuk membinasakan orang-orang yang zalim dan menyelamatkan orang-orang yang soleh malahan ianya turut menimpa orang-orang soleh dan membinasakan orang-orang yang zalim. Berkaitan dengan bentuk-bentuk *al-Ibtıla'* ini, seterusnya akan disenaraikan beberapa tujuan *al-Ibtıla'* diturunkan kepada manusia. Ini kerana, manusia sering tertanya-tanya mengapakah ia diuji dengan ujian sedemikian rupa.

### **Tujuan *al-Ibtıla'***

Sering kali dalam kalangan umat Islam kurang jelas apakah tujuan *al-Ibtıla'* di turunkan kepada mereka terutamanya *Ibtıla'* berbentuk kesusahan. Hani Sa'ad Ghunaim menyatakan *Ibtıla'* yang diberikan Allah SWT kepada hambaNya mempunyai beberapa tujuan. Antaranya adalah menguji

kesabaran seseorang.<sup>29</sup> Allah SWT menguji hamba-Nya agar Dia mengetahui tingkat kesabaran dan keteguhan iman kita<sup>30</sup> sebagaimana firman Allah SWT:

وَلْتَبْلُوْنَكُمْ حَتَّىٰ نَعْلَمَ الْمُجْتَهِدِيْنَ مِنْكُمْ وَالصَّابِرِيْنَ وَنَبْلُوْا اٰخِبَارَكُمْ ۝۳۱

(Surah Muhammad 47:31)

Terjemahan: “Dan sesungguhnya Kami benar-benar akan menguji kamu agar Kami mengetahui orang-orang yang berjihad dan bersabar di antara kamu, dan agar Kami menyatakan (baik buruknya) hal ehwal kamu.”

Allah SWT juga berfirman:

فَلْيَعْبَادِ الَّذِيْنَ ءَامَنُوْا اَتَّقُوْا رَبَّكُمْ الَّذِيْنَ اَحْسَنُوْا فِيْ هٰذِهِ الدُّنْيَا حَسَنَةً وَّاَرْضُ اللّٰهِ وَّسِعَةٌ اِنَّمَا يُؤَقِّي الصَّابِرُوْنَ اَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ۝۱۰

(Surah al-Zumar 39:10)

Terjemahan: “Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas.”

Umat Islam yang sejati mengetahui bahawa cara terbaik dalam menghadapi segala ujian dan musibah adalah dengan kesabaran dan keyakinan yang tinggi kepada Allah dalam mengharapkan keredhaanNya.

Antara tujuan *al-Ibtala'* lain lagi adalah bagi menyucikan dosa hamba yang diuji.<sup>31</sup> Seorang Mukmin diberi ujian supaya menjadi kaffarah bagi dirinya. Dengan rahmat dan kemuliaanNya, Allah SWT menguji seseorang untuk menyucikannya. Rasulullah bersabda yang bermaksud; “Tidaklah seorang muslim tertimpa suatu penyakit dan sejenisnya, melainkan Allah akan mengugurkan bersamanya dosa-dosanya seperti pohon yang mengugurkan daun-daunnya.”<sup>32</sup>

---

<sup>29</sup> Hani Sa'ad Ghunaim, *al-Ibtala' tathir wa Ni'mah min Rabb al-Ardhi wa al-Sama'*, 33.

<sup>30</sup> Harus ditekankan di sini bahawa bukan bermaksud pengetahuan Allah itu dimulai dengan jahil, bahkan sifat 'Ilmu Allah itu *inkisyaf* pada segalanya. Ilmu Allah tidak bertambah dan tidak berkurang. Tetapi ini hanya 'cakap mudah' gambaran pada perspektif makhluk.

<sup>31</sup> Hani Sa'ad Ghunaim, *al-Ibtala' tathir wa Ni'mah min Rabb al-Ardhi wa al-Sama'*, 36. Lihat juga Abdul Qadir al-Jailani, *Nasihat dan Wirid*, terj., Nabilah Abd. Jalil. (Batu Caves, Al-Hidayah House of Publishers Sdn.Bhd., 2014), 186. Beliau menjelaskan bahawa ujian seseorang itu kadangkala berupa hukuman atau balasan kepada dosa yang dilakukan. Maka ujian tersebut bertujuan untuk menghapuskan dosa yang dilakukannya.

<sup>32</sup> Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim, “Kitab al-Birr wa al-Silah wa al-Adab, Bab Thawab al-Mu'min fi ma Yusibuhu min Marad aw Huzn,” *Sahih Muslim*, no. Hadith 4791.

Selain itu, *al-Ibtala'* juga bertujuan meningkatkan derajat orang yang diuji.<sup>33</sup> Apabila Allah SWT mengkehendaki kebaikan kepada diri hambaNya, maka dia akan menyegerakan ujian untuknya di dunia. Ujian dan musibah adalah penyebab utama kepada ketinggian derajat seseorang hamba di sisi Allah SWT di syurga kelak.

Jelasnya, *Ibtala'* itu bukan diberikan kepada manusia tanpa ada sebarang tujuan. Sebaliknya, inilah caranya untuk Allah SWT mengetahui tahap kesabaran para hambaNya, menghapus dosa-dosa mereka sekaligus meninggikan derajat dan kedudukan mereka di sisi Allah sekiranya mereka berjaya menghadapi *Ibtala'* tersebut sejajar dengan tuntutan Allah SWT. Perlu dijelaskan bahawa terdapat sedikit perbezaan di antara tujuan dan manfaat *Ibtala'*. Berikutnya, akan dihuraikan beberapa manfaat atau kebaikan *al-Ibtala'* kepada manusia.

### Manfaat *al-Ibtala'*

Pada sisi manusia pula, umat Islam perlu mengetahui apakah manfaat ataupun hikmah yang tersembunyi di dalam ujian yang menimpa mereka agar mereka sentiasa bersangka baik dan tidak mudah menyalahkan takdir atas apa yang berlaku. Sebagai satu bentuk ringkasan mudah, 'Aidh 'Abd Allah al-Qarni menyatakan terdapat lima hikmah ujian iaitu; 1) dapat merasakan nikmatnya kemenangan; 2) mendapat mendatangkan pahala yang besar; 3) mengangkat derajat seseorang dan bukan untuk merendharkannya; 4) pengajaran daripada Allah SWT; serta 5) mendidik diri agar bersabar.<sup>34</sup>

Selain itu, Ahmad al-Khotib turut menyenaraikan faedah-faedah yang diperoleh akibat daripada ujian yang ditimpa. Antaranya adalah; 1) sebagai satu penilaian yang membezakan di antara para mukmin dan munafik; 2) meningkatkan daya seseorang individu; 3) sebagai satu balasan untuk menebus dosa; 4) menguji tahap kesabaran dan ketaatan seseorang; 5) mendidik dan membentuk keperibadian manusia; juga 6) bersedia untuk menghadapi perjalanan hidup seterusnya.<sup>35</sup> Lebih rinci, Hani Sa'ad Ghunaim menyenaraikan sepuluh manfaat ujian seperti yang dinyatakan berikut:<sup>36</sup>

- 1) Supaya insaf dan kembali kepada Allah. Sesungguhnya Allah menguji supaya manusia mahu berdoa kepadaNya, sentiasa mengingatiNya dan memohon dengan merendahkan diri kepadaNya. Allah berfirman:

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا إِلَىٰ أُمَمٍ مِّن قَبْلِكَ فَأَخَذْنَاهُم بِالْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ لَعَلَّهُمْ يَتَضَرَّعُونَ ٤٢

(Surah al-An'am 6:42)

<sup>33</sup> Hani Sa'ad Ghunaim, *al-Ibtala' tathir wa Ni'mah min Rabb al-Ardhi wa al-Sama'*, 40. Lihat juga Abdul Qadir al-Jailani, *Nasihat dan Wirid*, 186. Beliau menyatakan bahawa seseorang itu diuji bertujuan untuk meninggikan darjatnya serta mencapai kedudukan paling tinggi agar dapat bersama dengan para ahli ilmu yang telah terlebih dahulu mendapat pertolongan Allah SWT.

<sup>34</sup> 'Aidh 'Abd Allah al-Qarni, *La Tahzan*, terj., *Jangan Bersedih* (Batu Caves: Al-Hidayah Publications, 2007), 425-427.

<sup>35</sup> Soleh Ahmad al-Khotib, *al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Hayat al-Insaniyyah*, 2: 288-289 dan 305.

<sup>36</sup> Hani Sa'ad Ghunaim, *al-Ibtala' tathir wa Ni'mah min Rabb al-Ardhi wa al-Sama'*, 49-78. Lihat juga al-Amin al-Sodiq al-Amin, *al-Thabat 'ala Din Allah wa Atharuhu fi Hayat al-Islam*, 301.

Terjemahan: “Kemudian Kami seksa mereka (umat-umat tersebut) dengan kemelaratan dan kesengsaraan, supaya mereka memohon (kepada Allah) dengan tunduk merendahkan diri.”

- 2) Agar orang yang diuji beristighfar. Ini adalah manfaat yang sangat penting. Seseorang yang ditimpa *ibtala'*, haru mengakui dosa-dosa sebelum meminta keampunan Allah. Memang dosa-dosa manusia sangat banyak namun keampunan yang Allah beri lebih banyak lagi.
- 3) Meninggikan darjat orang yang diuji. Orang yang bersabar akan mendapat darjat yang mulia dan pahala tanpa batas sebagaimana firman Allah:

أَمَّنْ هُوَ قَلِيلٌ ءَأَنَاءَ اللَّيْلِ سَاجِدًا وَقَائِمًا يَحْذَرُ الْآخِرَةَ وَيَرْجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي  
الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ٩

(Surah Az-Zumar 39:10)

Terjemahan: “*Sesungguhnya hanya orang-orang yang bersabarlah yang dicukupkan pahala mereka tanpa batas.*”

- 4) Merendahkan diri dan tunduk kepada Allah. Orang yang diuji lebih banyak merendahkan diri dan tunduk kepada Allah. Ini merupakan manfaat besar yang tidak dapat dirasakan kecuali oleh orang-orang diuji atau yang sedang mendapat musibah. Orang yang ditimpa musibah akan mendapati dirinya sentiasa menggantungkan harapannya kepada Allah SWT dalam segala urusan. Allah SWT berfirman:

وَحُذِّبِيكَ ضِعْفًا فَأَضْرِبْ بِهِ وَلَا تَحْنُتْ إِنَّا وَجَدْنَاهُ صَابِرًا نِعَمَ الْعَبْدِ إِنَّهُ أَوَّابٌ ٤٤

(Surah Shod :44)

Terjemahan: “*Sesungguhnya Kami dapati dia (Ayub) seorang yang sabar. Dialah sebaik-baik hamba. Sesungguhnya dia amat taat (kepada Tuhannya).*”

- 5) Untuk mengetahui siapa yang mencintai diri. Ketika terjadi musibah, seseorang akan mendapati di sekelilinya adalah orang yang benar-benar mencintai dirinya yang akan memberikan perhatian terhadap kesusahan yang dialami.
- 6) Agar dapat merasakan nikmat Allah SWT. Seseorang tidak akan dapat merasakan nikmatnya kemenangan kecuali jika dia pernah mengalami pahitnya kekalahan. Nikmat Allah yang paling besar bagi seorang hamba di dunia adalah bersenang-senang dengan nikmat. Jadi, gunakanlah nikmat-nikmat Allah yang diberikan dalam kebaikan dan jangan gunakan untuk maksiat kepadaNya.
- 7) Agar kembali merujuk al-Quran. Ketika seorang tertimpa musibah, maka dia akan bernaung kepada al-Quran dan membacanya dengan penuh kecintaan. Boleh jadi ketika itu hatinya benar-benar menguasai bacaannya sehingga bacaan tersebut memberikan suatu pengaruh yang menakjubkan bagi dirinya.

- 8) Menghapuskan kesalahan dan dosa. Kesalahan-kesalahan seseorang akan berguguran disebabkan ujian yang dialami sebagaimana dedaunan yang berguguran. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud; “*Tidaklah seseorang Mukmin tertimpa gangguan sebesar daun dan yang lebih besar lagi melainkan dengannya Allah akan menghapuskan dosa-dosanya sebagaimana pohon memgugurkan daun-daunnya.*”
- 9) Untuk mendapatkan akidah yang sempurna. Ketika seorang hamba menderita sakit parah, dia akan segera menghadapkan hatinya kepada Allah dengan hati yang khusyuk dan berharap agar Allah menyembuhkannya. Saat itulah tauhid yang murni telah terwujud kerana orang yang sakit mengesakan Allah dengan doa. Sebab tidak ada yang dapat mengelakkan musibah kecuali Allah SWT.
- 10) Mendapatkan *taqarrub* iaitu mendekatkan diri kepada Allah dan juga *istiqomah* iaitu tetap pendirian sampai mati. Ketika menghadapi ujian, diharap orang yang diuji kembali kepada Allah. Seseorang itu perlu minta kepada Allah akan keteguhan atas Islam yang telah dihidayahkan oleh Allah.

Berdasarkan beberapa penyenaian ini, didapati terdapat banyak hikmah atau manfaat yang dapat diperoleh dalam kesukaran ditimpa *Ibtila'*. Apa yang pasti, pengetahuan terhadap konsep *Ibtila'* serta manfaat atau hikmahnya dapat mendorong manusia sebagai hamba menghadapi ujian dengan baik.

## Kesimpulan

Konsep *al-Ibtila'* haruslah difahami dalam kerangka yang benar. Kefahaman terhadap *Ibtila'* dapat dibina berdasarkan elemen-elemen penting mengenainya seperti konsep asas, klasifikasi, bentuk, tujuan dan manfaatnya. *Ibtila'* bukan hanya berbentuk kesusahan dan kesempitan, bahkan ia meliputi perkara kesenangan dan kemewahan. Berdasarkan perbincangan konsep *al-Ibtila'* di atas, dapat dirumuskan bahawa *Ibtila'* itu bukanlah diberikan kepada manusia hanya untuk menyusahkan mereka. Sebaliknya Allah telah memberikan akal dan kekuatan kepada manusia untuk mengurus alam ini sesuai dengan fitrah mereka berlandaskan perintah dan laranganNya. Menerusi *Ibtila'*, manusia berupaya mengembangkan potensi, keupayaan, kemahiran dan keijaksanaan mereka dalam menjalani kehidupan di dunia. Proses menghadapi *Ibtila'* ini juga, secara tidak langsung menjadi kayu ukur sekadar mana ketaatan dan kepatuhan para hamba terhadap Penciptanya.

## Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (MoHE) dan Universiti Malaya atas geran penyelidikan yang diperuntukkan di bawah geran FRGS 2015 (Flood Disaster Management), Reference Code: FRGS/1/2015/SSI03/UM/03/1.

## Rujukan

- 'Abd Allah 'Abd al-Ghani Muhammad Soleh. *Al-Ibtala' wa Atharuhu fi Hayat al-Mu'minin kama Ja'a fi al-Quran al-Karim*. Riyadh: Dar al-'Itisam, t.t.
- 'Aidh 'Abd Allah al-Qarni. *La Tahzan*. Riyadh: Maktabah al-'Abikan, 2005.
- 'Aidh'Abd Allah al-Qarni. *Jangan Bersedih*. Batu Caves: Al-Hidayah Publications, 2007.
- Abdul Halim Fathani. *Ensiklopedia Hikmah Memetik Buah Kehidupan Di Kebun Hikmah*. Jogjakarta: Darul Hikmah, 2008.
- Abdul Qadir Al-Jailani. *Nasihat dan Wirid*. Terj., Nabilah Abd. Jalil. Batu Caves: Al-Hidayah House of Publishers Sdn.Bhd., 2014.
- Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir al-Tabari. *Tafsir al-Tabari: al-Musamma Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Bayrut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1999.
- Al-Amin al-Sodiq al-Amin. *Al-Thabat 'ala Din Allah wa Atharuhu fi Hayat al-Islam*. Jilid 2. Saudi: Dar Ibn al-Jauzi, 2004.
- Al-Buti, Muhammad Sa'id Ramadan. *Fiqh al-Sirah*. Dar al-Fikr, t.tp., 1990.
- Al-Husayn ibn Muhammad al-Damighani. *Qamus al-Quran aw al-Ahl Islah al-wujuh wa-al-naza'ir fi al-Qur'an al-Karim*. Tahqiq, 'Abd al-'Aziz Sayyid. Bayrut: Dar al-'Ilm lil-Malayin, 1970.
- Al-Mu'jam al-Wasit*. Cet. Keempat. Kaherah: Maktabah al-Syuruk al-Dauliyah, 2005.
- Al-Sha'rawi, Muhammad Mutawalli. *Tafsir al-Sha'rawi*. Jilid 2. Dar Akhbar al-Yawm, 1991.
- Faisal Ahmad Shah. "Konsep al-Ibtala' dan Cara Menghadapinya Menurut al-Quran dan as-Sunnah." Disertasi sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2000.
- Hani Sa'ad Ghunaim. *Al-Ibtala' tathir wa Ni'mah min Rabb al-Ardhi wa al-Sama': Musibah (Ujian) Menyucikan Dosa dan Meninggikan Darjat*. Terj., Abu Athiyyah. Kuala Lumpur: Pustaka al-Shafa, 2012.
- Ibn Hazm al-Andalusi. *'Ilm al-Kalam 'ala Mazhab Ahl al-Sunnah wa al-Jamaah*, tahqiq Ahmad Hijazi Ahmad al-Saqa. t.t: t.p: 1989.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Makram. *Lisan al-Arab*. Bayrut: Dar Sadir, 1994.
- Muhammad bin Abi Bakr al-Jauziyyah. *'Iddah al-Sobirin wa Zakhirah al-Syakirin*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.
- Muhammad ibn Ahmad al-Qurtubi. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Jilid 1. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah, 1993.
- Mustafa ibn Wahbah al-Zuhaili. *Tafsir al-Munir*. Juz 9. Dar al-Fikr al- Mu'asir: Bayrut, 1991.
- Nassar As'ad Nassar. "Mafhum al-Ibtala' fi al-Quran." *Jurnal Jami'ah Damsyiq* 20. Bil. 1 (2004).
- Rejab Nasar Musa. "Sunnah al-Ibtala' fi al-Quran." Disertasi sarjana Kuliyyah Usuluddin, Jami'ah al-Najah al-Wataniyyah, Nablus, Palestin, 2007.
- Rohi Baalbaki. *Kamus al-Mawrid*. Bayrut: Dar El-Ilm Lil Malayin, 1995.

Soleh Ahmad al-Khotib. *Al-Sunan al-Ilahiyyah fi al-Hayat al-Insaniyyah*. Juzu' 2. Riyadh: Maktabah al-Rushd, 2004.

Wan Aznan Wan Abdullah. *Siri Motivasi dan Kecemerlangan Utusan: Pemikiran Positif Cara Islam Jalan Hidup Bahagia, Tenang dan Yakin*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., 2001.